



**TEKS UCAPAN  
YBRS. TUAN ADI FAIZAL BIN AHMAD TARMIZI  
TIMBALAN YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**DI  
MESYUARAT MAJLIS MPS BIL.5/2024**

**27 MEI 2024 | ISNIN  
10.00 PAGI | BILIK SIANTAN**

Assalamualaikum wbt & selamat pagi diucapkan.

**Yang Berusaha, Tuan Haji Az'har bin Samsuri**  
Penolong Setiausaha, Majlis Perbandaran Selayang

**Yang Dihormati Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr) Hj  
Wan Mahmood bin Pa' Wan Teh**  
Dato' Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,**  
Majlis Perbandaran Selayang

Para pengarah jabatan,

Pihak media, seterusnya tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan hidayah-Nya untuk kita mengadakan Mesyuarat Majlis MPS **Bil.5/2024** bagi bulan **Mei** pada pagi yang berbahagia ini.

## **1. UCAPAN TERIMA KASIH JEMPUTAN SYAWAL**

- 1.1 Alhamdulillah, bulan Syawal telah melabuhkan tirainya. Disini saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua agensi dan pihak yang telah mengundang saya ke majlis rumah terbuka sepanjang bulan Syawal yang lalu.
- 2.1 Setelah sebulan kita meraikan Syawal, jadi perkara pertama saya ingin ingatkan kepada semua adalah supaya kita *gear up* diri masing-masing untuk melaksanakan kerja-kerja yang telah kita rancang pada tahun 2024.

## **2. PRESTASI SEMASA KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN**

- 2.1 Untuk makluman, sehingga 30 April 2024, MPS berjaya mengutip cukai taksiran semasa 2024 sebanyak RM 51.63 juta (88.26%) daripada RM 58.5 juta.
- 2.2 Untuk kutipan tunggakan cukai taksiran pula, sebanyak RM 4.12 juta (38.54%) berjaya dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM 10.68 juta.

2.3 Pihak Majlis telah memproses waran bermula 15 April 2024, iaitu setelah tamat notis (Borang E). Waran tahanan sebanyak RM100.00 diproses bagi pemilik yang mempunyai tunggakan RM200.00 ke atas. Sehingga 30 April 2024 waran sebanyak 22,404 telah diproses dan sebanyak 2,410 waran telah dihantar.

### **3. PELAKSANAAN SENARAI NILAIAN BAHARU MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

3.1 Untuk makluman, Majlis Perbandaran Selayang (MPS) telah mengeluarkan Notis Menyemak Senarai Nilaiian Baharu selaras dengan Seksyen 141, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) kepada semua pemilik pegangan di bawah kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Selayang.

3.2 Sebanyak 222,443 Notis Menyemak Senarai Nilaiian bertarikh 1 April 2024 telah dihantar secara fizikal melalui pos secara berperingkat bermula 3 Mei 2024 sehingga 8 Mei 2024 yang lalu dan sebanyak 80,417 notis dihantar secara elektronik melalui emel kepada pemilik pegangan.

- 3.3 Notis ini merupakan notis pemberitahuan nilai-nilai semula cukai taksiran selepas 32 tahun MPS menggunakan aras nilai-nilai "*tone of the list*" Tahun 1992. Nilai-nilai semula cukai taksiran ini menggunakan nilai-nilai tahun semasa dan kadar cukai taksiran sedia ada di turunkan kepada kadar yang lebih rendah bagi mengimbangi nilai-nilai yang munasabah.
- 3.4 MPS ingin menekankan bahawa proses penilaian ini masih berjalan dan akan berkuatkuasa pada 1 Januari 2025 tertakluk kepada kelulusan dari Kerajaan Negeri Selangor.
- 3.5 MPS juga telah melanjutkan tempoh permohonan bantahan yang sepatutnya berakhir pada 10 Mei 2024 sehingga **31 Mei 2024** bagi memberi peluang kepada pemilik yang tidak berpuashati dengan nilai-nilai cukai taksiran seperti dalam Notis Menyemak Senarai Nilai-nilai Baharu melalui:
- i) Imbasan Kod QR yang disertakan di Notis Menyemak Senarai Nilai-nilai Baharu; atau
  - ii) Memuat turun borang bantahan dari laman web rasmi MPS di alamat url <https://www.mps.gov.my>. dan di hantar ke Jabatan Penilaian dan

Pengurusan Harta melalui emel  
[bantahancukai@mps.gov.my](mailto:bantahancukai@mps.gov.my).

#### **4. PENGECUALIAN CUKAI TAKSIRAN SECARA BERSASAR KEDIAMAN KAMPUNG**

4.1 Untuk makluman juga, sebanyak 155 permohonan pengecualian cukai taksiran secara bersasar kediaman kampung bagi tahun 2024 yang telah diterima dengan peratusan 6% daripada jumlah keseluruhan kediaman kampung iaitu sebanyak 25,710 pegangan yang akan diproses untuk pertimbangan kelulusan.

4.2 Permohonan pengecualian cukai taksiran secara bersasar kediaman kampung ini juga akan berakhir pada **31 Mei 2024** dan keputusan boleh disemak bermula 01 September 2024.

#### **5. MEMPERBAHARUI DAN MEMBAYAR LESEN PERNIAGAAN, SEWAAN GERAI, PERMIT BANGUNAN SERTA PERANCANG DI PORTAL MYMPS**

5.1 MPS juga telah menaik taraf portal [mymps.mps.gov.my](http://mymps.mps.gov.my) bagi memudahkan peniaga memperbaharui dan membuat bayaran lesen perniagaan, sewaan gerai dan permit bangunan, kompaun, cagaran dan pelbagai.

Disamping itu, orang awam juga boleh membuat semakan dan bayaran kompaun di portal tersebut.

5.2 Jumlah kutipan yang diterima pada bulan **April 2024** adalah seperti berikut:

- Lesen perniagaan sebanyak RM 181,868.62  
- 186 transaksi
- Sewaan gerai sebanyak RM 280,930.00  
- 791 transaksi
- Permit bangunan dan perancang sebanyak RM 402,605.00  
- 16 transaksi
- Kompaun sebanyak RM 41,670.00  
- 304 transaksi
- Cagaran sebanyak RM 591.00  
- 2 transaksi
- Pelbagai sebanyak RM3,350.00  
- 1 transaksi

## 6. PELAKSANAAN PENGAUDITAN EKSA MPS

- 6.1 Di kesempatan ini saya ingin maklumkan bahawa MPS akan menghadapi Lawatan Penilaian Pengauditan Pensijilan Semula EKSA secara DIY oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor pada **29 hingga 31 Julai 2024**.
- 6.2 Tujuan pengauditan ini dijalankan adalah bagi memastikan MPS dapat mengekalkan pensijilan EKSA kategori cemerlang sebagaimana sijil yang telah diperolehi pada tahun 2022.
- 6.3 MPS sangat komited untuk memastikan kejayaan EKSA di MPS dengan melaksanakan '*Mystery Shopping*' EKSA pada 6 Mei 2024, Bengkel Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) MPS bagi persiapan Lawatan Pensijilan Semula EKSA *Do-It-Yourself* (DIY) dan Gotong-Royong Perdana EKSA yang akan diadakan pada 31 Mei ini.
- 6.4 MPS juga akan melaksanakan Pengauditan Audit Dalam EKSA mulai 5 hingga 13 Jun 2024. Pengauditan ini akan dilaksanakan di semua zon dan penilaian yang dibuat adalah untuk Kriteria Keperluan Utama Pelaksanaan Zon (Komponen A), Ruang Pejabat



(Komponen B), Tempat Umum (Komponen C), Keselamatan Persekitaran (Komponen D).

6.5 Saya menyeru kepada setiap zon untuk membuat persediaan sebelum kedatangan Juruaudit EKSA. Kerjasama dan komitmen daripada semua zon amatlah diharapkan agar pelaksanaan audit ini berjalan dengan lancar.

## **7. HARI LANDSKAP NEGARA (HLN) 2024**

7.1 Jabatan Landskap Negara telah menganjurkan Hari Landskap Negara 2024 (HLN) bermula dari 24 Mei hingga 2 Jun 2024 bertempat di Taman Tasik Shah Alam. Yang di-Pertuan Agong (YDPA), Sultan Ibrahim telah berkenan berangkat merasmikan program ini pada 25 Mei yang lalu.

7.2 Bersempena dengan program ini, MPS telah menyertai Pertandingan Laman PBT yang berkonsepkan '*Magical Garden*'. MPS menerusi Jabatan Landskap telah menampilkan 'Laman Selayangku Sayang' iaitu taman buatan dengan dekorasi binaan arca dan landskap hijau yang berkonsepkan keindahan flora di kawasan pentadbiran MPS.

7.3 Selain pertandingan ini, pelbagai aktiviti dan acara menarik yang boleh dinikmati oleh semua golongan masyarakat seperti pameran, jualan, pertandingan dan program disediakan kepada pengunjung yang hadir sepanjang sambutan berlangsung. Semua program ini dianjurkan secara percuma dan orang ramai dijemput hadir untuk memeriahkan lagi program ini.

## **8. PROGRAM KUTIPAN BARANGAN KITAR SEMULA, MINYAK MASAK TERPAKAI DAN E-WASTE**

8.1 MPS akan menganjurkan Program Kutipan Barangan Kitar Semula, Minyak Masak Terpakai Dan E-Waste sempena sambutan Hari Guru, Hari Ibu dan Hari Jururawat Tahun 2024 pada 28 dan 29 Mei ini bermula jam 9.00 pagi hingga 1.00 petang di Lobi Bangunan Lama MPS.

8.2 Oleh itu, warga kerja MPS dan orang awam adalah dijemput untuk hadir dengan membawa barangan kitar semula seperti e-waste, minyak masak terpakai, surat khabar, kotak, kertas, tin minuman, besi, plastik dan bateri kenderaan.

- 8.3 Pengunjung bertuah yang membawa minyak masak melebihi 5 kilogram pada hari tersebut akan berpeluang menerima hadiah saguhati. Hadiah misteri juga akan diberikan kepada para guru, jururawat dan ibu yang menyertai program ini.
- 8.4 Saya ingin menyeru masyarakat untuk bersama-sama membudayakan amalan kitar semula ini demi menjaga kebersihan dan memelihara kelestarian alam sekitar.

## **9. STADIUM MPS SEBAGAI *HOME VENUE* PDRM FC**

- 9.1 Seperti semua sedia maklum, Stadium MPS telah selesai menjalani kerja-kerja naiktaraf, antaranya pembaikan lampu limpah, pemasangan e-billboard dan dan trek balapan bertujuan untuk menyediakan perkhidmatan dan fasiliti stadium dalam keadaan yang terbaik.
- 9.2 Sukacita dimaklumkan pada tahun ini, pihak MPS telah menerima tawaran daripada PDRM FC untuk menjadikan Stadium MPS sebagai gelanggang pasukan tuan rumah bagi pasukan bolasepak PDRM FC untuk Liga Super dan Liga MFL musim 2024/2025.

- 9.3 Selepas mesyuarat ini, kita akan bersama-sama menyaksikan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara MPS dan PDRM FC sebagai simbolik penerimaan tawaran ini.
- 9.4 Diharapkan dengan penerimaan tawaran ini, MPS dapat mempromosikan Stadium MPS bagi menarik minat penganjur-penganjur sukan dan kelab-kelab bolasepak berprestij untuk menjadikan stadium ini sebagai lokasi kejohanan mereka.

## **10. SELAMAT MENYAMBUT HARI RAYA AIDILADHA**

- 10.1 Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidiladha kepada seluruh umat Islam yang akan menjelang tidak lama lagi. Marilah kita sambut dan nikmati kebersamaan bersama keluarga dan sahabat handai. Jadikanlah kesempatan ini sebagai waktu untuk merenung, mensyukuri nikmat Allah dan mengeratkan hubungan kita sesama manusia.

10.2 Saya berharap agar Hari Raya Aidiladha ini membawa kebahagiaan, keberkatan dan ketenangan dalam hidup anda. Semoga ibadah korban yang dilaksanakan dengan penuh kesungguhan menjadi medium untuk memperbaiki diri, mendekatkan diri kepada Allah SWT, dan menguatkan ikatan ukhwah di antara kita semua.

Sekian, Wabillahittaufiq Walhidayah Wasallamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.